

02 MAR 1997

Latiff

LATIF MIRASA TETAP MAHU MELETAK JAWATAN

BUTTERWORTH, 2 Mac (Bernama) -- Ketua Umno bahagian Bagan Datuk Abdul Latiff Mirasa berkata beliau tetap akan meletakkan jawatannya sebagai Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Beliau berkata terpulang kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membuat keputusan mengenainya setelah beliau menyatakan hasrat itu buat kali ketiga kepada Anwar minggu lepas.

Sementara menanti keputusan itu, Latiff berkata beliau akan terus menjalankan tugasnya sebagai Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri seperti biasa.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Gong Xi-Raya di Dewan Seri Mariamman, di sini hari ini. Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon adalah antara kira-kira 1,000 jemputan yang hadir pada majlis anjuran pejabat daerah Seberang Perai utara itu.

Latiff yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tanah Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri berkata beliau mampu memberi khidmat walaupun tidak lagi berkhidmat dalam kerajaan.

Ketika ditanya mengapa beliau mahu melepaskan jawatannya, Latiff berkata beliau menganggap dirinya sudah terlalu lama berkhidmat dengan kerajaan.

" Saya telah berkhidmat selama 25 tahun. Mulanya sebagai guru kemudian pensyarah universiti sebelum membuat keputusan bersara secara pilihan untuk memulakan kerjaya sendiri selain aktif berpolitik," katanya.

Beliau juga memberi jaminan akan meneruskan program keusahawanan Bumiputera Pulau Pinang yang beliau usahakan menerusi Bumiputera Teknologi Venture Capital, yang diasaskan dan dipengerusikannya.

Kolej Wawasan Putra yang diilhamkannya juga terus dilaksanakan bagi memberi peluang pendidikan tinggi kepada lepasan sekolah di semua peringkat umur, katanya.

Beliau menolak tanggapan sesetengah pihak bahawa perletakan jawatannya kerana merajuk setelah digugurkan sebagai calon Majlis Tertinggi (MT) Umno pada pemilihan parti Oktober tahun lepas.

" Saya tidak merajuk. Kalau benar saya merajuk sudah tentu saya melepaskan semua jawatan saya selepas digugurkan," katanya. -- BERNAMA

RA NAK